

IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN STRATEGI PEMULIHAN SEKTOR PELANCONGAN PASCA PANDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

IMPACT OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) AND POST COVID-19 PANDEMIC TOURISM SECTOR RECOVERY STRATEGIES

Rosazman Hussin¹, Jabil Mapjabil², Jalihah Md Shah³, Ayesah Uy Abubakar⁴, Nor-Ina Kanyo⁵, Andreas Pingking⁶, Dayang Siti Noorafidah Datu Nordin⁷ & Slamet Rosyadi⁸

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: azzs@ums.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: jabil@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: jalihah@ums.edu.my)

⁴Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: ayesah@ums.edu.my)

⁵Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: norina@ums.edu.my)

⁶Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: reasand94@ums.edu.my)

⁷Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia, (E-mail: ba16160920@alum.ums.edu.my)

⁸, Fakultas Sains Sosial dan Sains Politik, Universitas Jendral Soedirman, Purwokerto, Jawa Tengah, Indonesia (E-mail: slametrosyadi72@gmail.com)

Article history

Received date : 25-10-2021
Revised date : 26-10-2021
Accepted date : 17-12-2021
Published date : 27-12-2021

To cite this document:

Hussin, R., Mapjabil, J., Md Shah, J., Uy Abubakar, A., Kanyo, N., Pingking, A., & Datu Nordin, D. S. & Rosyadi, S. (2021). Impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Strategi Pemulihan Sektor Pelancongan Pasca Panemik COVID-19 di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(42), 99 - 113.

Abstrak: Artikel ini bertujuan untuk membincangkan tentang impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan strategi pelan pemulihan sektor pelancongan berasaskan komuniti pasca pandemik COVID-19 terutamanya di Malaysia dan pengalaman negara luar. Penularan COVID-19 telah memaksa pemerintah di Malaysia untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara bermula pada 18 Mac 2020. Perlaksanaan PKP telah menjejaskan banyak sektor sosio-ekonomi dan politik termasuk sektor pelancongan. Sehubungan itu, timbul persoalan mengenai langkah yang diambil atau strategi untuk memulihkan semula sektor pelancongan di Malaysia agar dapat beroperasi seperti sedia kala. Justeru, pendekatan utama kajian ini adalah kualitatif yang bersandarkan sumber data sekunder. Data sumber sekunder adalah daripada artikel jurnal, buku rujukan akademik dan berita akhbar dalam talian digunakan dengan meluas dalam penulisan ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bencana pandemik COVID-19 telah memberi kesan negatif yang drastik ke atas sektor pelancongan di Malaysia dan di negara lain di peringkat global. Berdasarkan

penelitian terhadap pengalaman negara lain di dunia untuk memulihkan sektor pelancongan, dapatan kajian ini merumuskan bahawa strategi utama pemulihan adalah melalui peranan proaktif pihak kerajaan termasuk di Malaysia. Antara strategi dan tindakan segera yang boleh diambil oleh pihak kerajaan termasuklah membantu para pengusaha dan syarikat pelancongan kecil dan hotel melalui bantuan insentif atau pinjaman; melonggarkan sekatan pergerakan apabila keadaan wabak pandemik COVID-19 menurun dan menggalakkan pelancongan domestik.

Kata Kunci: *Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Impak Pandemik COVID-19, Strategi Pemulihan & Pelancongan.*

Abstract: *This article aims to discuss the impact of the Movement Control Order (PKP) and the strategy of the community-based tourism sector recovery plan after the COVID-19 pandemic especially in Malaysia and the experience of foreign countries. The spread of COVID-19 has forced the government in Malaysia to implement the Movement Control Order (MCO) nationwide starting March 18, 2020. The implementation of the PKP has affected many socio-economic and political sectors including the tourism sector. In this regard, the question arises as to the steps taken or strategies to revive the tourism sector in Malaysia so that it can operate as usual. Thus, the main approach of this study is qualitative based on secondary data sources. Secondary source data are from journal articles, academic reference books and, online newspaper news are widely used in this writing. The findings of this study indicate that the COVID-19 pandemic disaster has had a drastic negative impact on the tourism sector in Malaysia and other countries globally. Based on the study of the experience of other countries in the world to rehabilitate the tourism sector, the findings of this study conclude that the main strategy of rehabilitation is through the proactive role of the government, including in Malaysia. Among the immediate strategies and actions that can be taken by the government include assisting entrepreneurs and small tourism and hotel companies through incentive assistance or loans; loosening movement restrictions when COVID-19 epidemic conditions decline and encouraging domestic tourism.*

Keywords: *Movement Control Order (MCO), COVID-19 Pandemic Impact, Recovery Strategies & Tourism.*

Pengenalan

Pandemik adalah wabak penyakit yang merebak pantas dan serentak hampir ke semua negara atau benua dan biasanya menjangkiti ramai manusia (WHO, 2020). Angka manusia yang dijangkiti juga ramai dan memerlukan rawatan segera. Pada awal tahun 2020, dunia digemparkan dengan penularan satu virus baharu iaitu Coronavirus yang dipercayai berasal dari Wuhan, China dan telah merebak hampir ke semua negara di dunia (Yuliana. Y, 2020). *World Health Organisation* (WHO) memberi nama virus baru tersebut *severe acute respiratory syndrome coronavirus-2* (SARS-CoV-2) dan nama penyakitnya sebagai *Coronavirus disease 2019* (COVID-19) (WHO, 2020). Kejadian berkaitan penularan virus jenis Coronavirus bukannya pertama kali berlaku kerana pada tahun 2002 *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) disebarkan oleh SARS-coronavirus (SARS-CoV) (Chan-Yeung, M., 2003) dan penyakit *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS) tahun 2012 juga telah melanda dunia yang menyebabkan banyak kematian (Zaki, A. M. et al, 2012). Sebilangan besar orang yang dijangkiti virus COVID-19 akan mengalami penyakit pernafasan ringan

hingga sederhana dan pulih tanpa memerlukan rawatan khas. Orang yang lebih tua, dan mereka yang mempunyai masalah perubatan seperti penyakit kardiovaskular, diabetes, penyakit pernafasan kronik, dan barah cenderung mengidap penyakit serius (WHO, 2020). Pandemik yang disebabkan oleh suatu virus akan menyebabkan sesebuah negara terpaksa menghentikan operasi sektor ekonomi dan ada yang mengumumkan darurat (Agus Purwanto, 2020). Penularan COVID-19 memberi kesan buruk kepada kesihatan, peningkatan kos perkhidmatan, sosial dan ekonomi termasuk pelancongan. Bagaimanakah Malaysia dan negara yang sumber ekonominya bergantung kepada sektor pelancongan berhadapan dengan krisis ini? Artikel ini membincangkan impak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan strategi pelan pemulihan sektor pelancongan berasaskan komuniti pasca pandemik COVID-19 terutamanya di Malaysia dan pengalaman negara luar.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Impaknya terhadap Aktiviti Pelancongan di Malaysia

Di Malaysia, bagi mengawal penularan dan memutuskan rantaian COVID-19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 sehingga ke fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu 15 April hingga 9 Jun 2020 telah memberikan impak negatif yang serius kepada sektor pelancongan negara. Mengikut Laporan Sistem Insuran Pekerjaan (SIP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Malaysia mendapati individu yang kehilangan pekerjaan meningkat kepada 42% dalam suku pertama tahun 2020. Namun begitu, bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020, kerajaan Malaysia mula melonggarkan PKP dengan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dengan membenarkan beberapa sektor dan aktiviti ekonomi beroperasi mengikut fasa-fasa tertentu. Dalam konteks pelancongan, kerajaan mula membenarkan aktiviti pelancongan domestik beroperasi. Kelonggaran ini selaras dengan usaha bagi memulihkan ekonomi, hal ini kerana aktiviti pelancongan telah mengalami kerugian yang besar (Kroll et al., 1990; Webb et al., 2000) sepanjang PKP berlangsung. Pemulihan aktiviti pelancongan sama ada yang berskala besar ataupun berskala kecil seperti pelancongan berasaskan komuniti (CBT) dan inap desa (*homestay*) boleh memberikan pendapatan semula kepada komuniti yang menjalankan aktiviti pelancongan.

Apabila aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh komuniti terhenti, maka pergerakan dan penglibatan komuniti dalam sosio-ekonomi-budaya menjadi terbatas. Sebaliknya, pada pasca COVID-19, apabila aktiviti pelancongan dijalankan dan cuba dipulihkan semula, komuniti dijangka menerima manfaat dan keadaan akan kembali normal seperti sedia kala. Secara umumnya, pemulihan dalam aktiviti pelancongan juga boleh menjadi pelengkap untuk mengekalkan pekerjaan, kecerdasan dan kesejahteraan ekonomi (Anas, Hussin & Afrizal, 2018). Sehubungan itu, secara tidak langsung strategi dan pelan pemulihan sosial dapat memastikan perniagaan dan tenaga kerja dapat beroperasi seperti biasa serta aktiviti dalam sektor lain juga dapat dipulihkan dengan sepenuhnya (Paton & Johnston, 2015).

Penularan wabak COVID-19 di Malaysia dikesan pada bulan Januari 2020, namun pada masa tersebut kerajaan masih membenarkan semua sektor ekonomi beroperasi seperti biasa. Namun, penularan wabak ini di Malaysia berlaku sangat pantas dan akhirnya memaksa kerajaan Malaysia untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 iaitu selama 14 hari. Walau bagaimanapun, tempoh 14 hari PKP ini masih belum cukup untuk mengawal penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat (Berita Harian, 2021). Oleh itu, bermula pada 1 April 2020 Perdana Menteri

Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan PKP yang lebih ketat dan disambung selama 14 hari. Pelaksanaan PKP ini adalah bertujuan untuk memastikan ahli masyarakat kekal berada di rumah dan membolehkan rantaian pandemik ini berjaya diputuskan. Di samping itu, pelaksanaan dan penguatkuasaan PKP menyaksikan semua sektor ekonomi termasuk pelancongan diarahkan tutup buat sementara waktu dan penduduk Malaysia diminta untuk mula melakukan kerja dari rumah (*Work from Home*) (Ambikapathy, M., & Ali, A., 2020). Usaha dan strategi menerusi pelaksanaan PKP oleh kerajaan dilihat telah membuahkan hasil apabila kes mula menunjukkan penurunan, namun kerajaan masih meneruskan PKP dan hanya memberikan sedikit kelonggaran kepada penduduk dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi kawasan-kawasan yang menunjukkan penurunan kes harian (Berita Harian, 2020). Selain itu, beberapa sektor ekonomi mula dibuka tetapi hari bekerja perlu mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Pada 9 Jun 2020 kerajaan sekali lagi telah mengumumkan untuk memberi kelonggaran bagi menjalankan aktiviti dan membenarkan lebih banyak sektor ekonomi beroperasi termasuk sektor pelancongan. Akibat daripada pandemik ini dan juga pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan telah memberikan banyak kesan negatif kepada sektor pelancongan Malaysia dan di negara lain seluruh dunia. Penelitian strategi dan pelan pemulihan pelancongan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika pandemik COVID-19 ke atas aktiviti pelancongan di Malaysia merupakan inipati kertas kerja ini.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dengan melakukan sorotan literatur ke atas kajian lepas berkenaan COVID-19 dan sektor pelancongan di Malaysia serta negara lain. Data sumber sekunder daripada artikel jurnal, buku rujukan akademik dan akhbar dalam talian digunakan secara meluas dalam penulisan makalah ini. Hasil kajian sorotan literatur ini diharapkan dapat mengumpulkan data-data berkaitan pelan pemulihan pelancongan pasca

COVID-19 terutamanya di kawasan pelancongan di Malaysia dan pengalaman negara lain. Namun, penulis mengakui hakikat bahawa semua pelaksanaan pelan pemulihan sektor pelancongan di Malaysia ini hanya boleh dicapai sepenuhnya setelah PKP berakhir. Hal ini kerana pemulihan sebenar sektor pelancongan bermula apabila kehadiran pelancong domestik dan antarabangsa dibenarkan tanpa sekatan dan kebimbangan untuk mengunjungi semula destinasi pelancongan yang ada di Malaysia hilang apabila keadaan kembali pulih seperti situasi sebelum ini.

Sorotan Literatur dan Definisi Konsep Utama Kajian

Konsep Bencana

Menurut *World Health Organisation* (WHO) (2002), bencana bermaksud peristiwa atau kejadian yang berlaku di sesuatu kawasan yang mengakibatkan kerosakan secara ekologi, mengganggu gugat kehidupan manusia, kehilangan nyawa manusia dan menjejaskan kesihatan manusia yang menyebabkan perlunya bantuan daripada pihak luar secara langsung. Selain itu, *Asian Disaster Reduction Center* (2003) pula mengatakan bencana adalah satu bentuk gangguan yang sangat serius dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak kerana ia menyebabkan kerugian dalam skala yang besar sama ada daripada aspek sosial, ekonomi dan keselamatan (Wijayanto, 2012). Manakala *United Nation* pula mendefinisikan bencana sebagai sesuatu keadaan serius yang berlaku ke atas komuniti dan masyarakat setempat yang

melibatkan orang ramai di suatu kawasan yang mengakibatkan persekitaran ekonomi turut terganggu.

Menurut Joshi (2008), bencana adalah suatu kejadian yang berlaku secara tiba-tiba atau kejadian yang menyebabkan kerosakan berskala besar kepada manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Selain itu, bencana alam juga berlaku secara pantas, seketika dan tanpa diskriminasi. Kejadian yang sangat ekstrem ini berlaku sama ada secara semula jadi atau disebabkan oleh manusia akan menyebabkan kehilangan harta benda dan nyawa dan terjejasnya sektor ekonomi. Bencana juga merupakan satu situasi yang membebankan serta melampaui kemampuan manusia yang memerlukan perhatian di peringkat nasional atau antarabangsa dalam mendapatkan bantuan luar (Moe et al., 2007). Menurut Ibrahim Mohamed Shaluf (2007), terdapat banyak pusat penyelidikan dan agensi di seluruh dunia yang mementingkan serta memandang serius pengurusan bencana. Umumnya, pusat penyelidikan dan agensi undang-undang mengelaskan bencana kepada tiga jenis iaitu (1) semula jadi, (2) buatan manusia dan (3) *hybrid*. Pandemik COVID-19 dianggap sebagai suatu bencana secara semula jadi oleh WHO. Hal ini kerana ia menepati definisi bencana yang berskala besar dan membahayakan penduduk dunia lantaran menimbulkan satu keadaan yang mengganggu keamanan manusia, tidak dapat diramal atau dihindari, mempengaruhi ekonomi dunia, mengganggu rutin operasi, struktur dan kelangsungan hidup sesebuah masyarakat (Faulkner, 2001).

Pengurusan Bencana

Makna pengurusan bencana adalah satu usaha bagaimana menyelesaikan urusan yang melibatkan manusia, bahan dan impak kepada kehidupan sosio-ekonomi kesan daripada suatu bencana.

Banyak definisi mengenai konsep pengurusan bencana diutarakan oleh sarjana dan salah satunya mentakrifkan pengurusan bencana sebagai suatu proses untuk menentukan suatu peristiwa atau kejadian yang mempunyai potensi mendatangkan kerugian dan kerosakan serius kepada masyarakat (Ferlis, 2015). Perbincangan berkenaan pengurusan pelancongan dalam konteks pelancongan menurut Faulkner (2001) adalah tindak balas oleh organisasi pelancongan terhadap bencana alam yang berlaku. Ia berperanan mengurangkan kerosakan yang berpunca daripada impak bencana alam serta meningkatkan proses pemulihan aktiviti pelancongan melalui pembangunan strategi pengurusan bencana alam. Di Malaysia, pengurusan bencana adalah di bawah kendalian Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri. Agensi ini berperanan sebagai *focalpoint* dalam pengurusan krisis dan bencana alam di dalam dan luar negara yang merangkumi dalam pelbagai aspek termasuk pencegahan dan mitigasi (*prevention and mitigation*), persediaan (*preparedness*), tindak balas (*response*) serta pemulihan dan pembangunan semula (*recovery and reconstruction*) (Ferlis, 2015).

Pelancongan

Konsep pelancongan bermaksud pergerakan sementara dalam jangka masa yang pendek dilakukan oleh individu ke destinasi luar dari tempat mereka biasanya tinggal serta bekerja (Burkat & Medlik, 1974). Menurut Leiper (1979), makna pelancongan dapat diklasifikasikan berdasarkan tiga kategori iaitu mencakupi makna ekonomi, teknikal dan holistik. Pelancongan sebagai satu sistem terbuka yang mempunyai hubungan dengan persekitaran yang luas serta melibatkan empat elemen. Elemen pertama adalah manusia sebagai pelancong, kedua, elemen kawasan iaitu kawasan asal, kawasan persinggahan dan kawasan destinasi yang terpilih.

Elemen ketiga merupakan elemen ekonomi iaitu industri pelancongan. Akhir sekali elemen dinamik yang terdiri daripada individu yang mengembara bagi tujuan berehat jauh dari tempat asal mereka selama lebih daripada satu hari (Leiper, 1981). Justeru itu, penguatkuasaan PKP di Malaysia dan negara lain sangat memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan dan bertentangan dengan konsep pelancongan iaitu pergerakan keluar manusia dari habitat mereka.

Jenis Wabak Penyakit Berjangkit dan Kesannya ke atas Sektor Pelancongan Global

Penyakit berjangkit adalah fenomena biososial dan ia boleh wujud dalam mana-mana masyarakat sejak dahulu hingga kini. Selain itu, penyakit berjangkit adalah disebabkan oleh agen infeksi atau bahan-bahan toksik yang berbahaya kepada manusia (Yahya, F.H, 2005). Penyakit berjangkit juga telah menyebabkan banyak implikasi sosial, ekonomi dan politik terutamanya menjejaskan kesejahteraan hidup manusia dan pembangunan negara terutamanya dari aspek pembangunan sumber manusia termasuk sektor pelancongan. Menurut WHO, pandemik merupakan penyakit yang berjangkit serta menular hampir ke semua tempat merentasi sempadan negeri dan antarabangsa. Di samping itu, ia turut menjangkiti populasi manusia mahupun binatang yang seterusnya memberi kesan terhadap kesihatan, meningkatkan kos perkhidmatan, ekonomi dan sosial secara global. Terdapat banyak jenis penyakit berjangkit yang pernah melanda dunia dan Malaysia tidak terkecuali antaranya *Ebola*, *Zika*, *Avian Flu*, *Cholera*, demam denggi, malaria, *Yellow Fever* dan *SARS* yang memberi kesan negatif kepada sektor pelancongan global.

Ebola

Wabak penyakit Ebola (EVD) merupakan epidemik yang terbesar pernah terjadi dalam sejarah. Menurut Yanti dan Aryati (2018), penyakit virus *Ebola* juga dikenali sebagai *Ebola Haemorrhagic Fever* (EHF) berpunca daripada virus *Ebola* (VE). Virus ini menyebabkan orang yang dijangkiti akan mengalami gejala demam berdarah dan boleh membawa maut. WHO melaporkan bahawa pada 2014 kes Ebola dikenali pasti di hutan pedalaman di Gunea dan kemudian merebak ke Amerika Syarikat. *Ebola Virus Disease* ini telah mengakibatkan lebih daripada 28,000 manusia dijangkiti dan juga lebih 11,000 orang meninggal dunia disebabkan penyakit berjangkit tersebut dilaporkan di Gunea, Liberia dan Siera Leone (Regules et al, 2017). Terdapat tambahan 36 kes dan 15 kematian yang dilaporkan berlaku luar daripada negara Afrika Barat. Dianggarkan bahawa sebanyak 4.3 billion USD kos yang telah dikeluarkan dalam usaha menangani epidemik ini (Carroll, et al, 2015).

Avian Flu

Avian Flu atau lebih dikenali sebagai virus selesema burung merupakan virus yang menjangkiti burung-burung liar dan unggas seperti ayam. Virus ini dibahagikan kepada dua kumpulan berdasarkan keparahan penyakit yang dihasilkan kepada unggas: Virus AI patogenik rendah (LPAI) dan virus AI patogenik tinggi (HPAI). *Avian Flu* pertama kali dilaporkan pada tahun 1997 di Hong Kong. Pada tahun 2003 menyaksikan berlakunya perubahan *strain* virus yang mengakibatkan munculnya *strain Z 'novel'*. Jangkitan virus ini kepada manusia bertentangan dengan kepercayaan sebelumnya bahawa virus selesema burung tidak dapat menjangkiti manusia kerana perbezaan sistem pernafasan (Lahariah, C., et al, 2006). Jangkitan ini amat membimbangkan kerana kebanyakan pesakit mengalami demam yang teruk.

Severe Acute Respiratory Syndrome (SARS)

Pada tahun 2003, Hong Kong juga menderita penyakit berjangkit baru, Sindrom Pernafasan Akut Parah atau SARS, yang pada awalnya diambil untuk selesema burung ketika merebak di provinsi Guangdong, China pada bulan November 2002 (Nerlich & Halliday, 2007). SARS disebabkan oleh coronavirus haiwan yang pada mulanya tidak dikenalpasti kerana ia berada di persekitaran manusia terutama di pasar basah yang memudahkannya tersebar di antara manusia. Dalam beberapa bulan sahaja kemunculan penyakit SARS ini di kawasan Guangdong, China, penyakit ini telah menjangkiti lebih daripada 8000 orang dan menyebabkan 774 kematian di 26 buah negara yang terletak dalam lima benua. Situasi ini menggambarkan betapa pantasnyanya penyakit ini disebarkan melalui percikan air liur oleh pesakit SARS ketika mereka bersin atau batuk (Peiris, J. S., Guan, Y., & Yuen, K., 2004).

Cholera

Kolera merupakan jangkitan diare akut yang disebabkan oleh pengambilan makanan atau air yang tercemar dengan bakteria *Vibrio Cholerae*. Menurut *World Health Organization* (WHO) (2021), kolera ada penyakit yang menyebabkan pesakit mengalami akut cirit – birit yang teruk dan biasanya seseorang yang telah memakan makanan atau air yang tercemar hanya bergejala antara 12 jam hingga 5 hari. Selain itu, Kolera juga menjangkiti kanak-kanak dan orang dewasa serta ia boleh menyebabkan kematian sekiranya tidak dirawat dengan segera. Pada abad ke-19, Kolera mula tersebar ke seluruh dunia dan ia bermula di delta Ganges, India. Enam wabak yang berikutnya telah membunuh berjuta-juta orang di seluruh benua. Pandemik yang berlaku pada masa kini merupakan yang ke tujuh bermula di Asia Selatan pada tahun 1961 sampai ke Afrika pada tahun 1971 dan Amerika Syarikat pada tahun 1991 (WHO, 2021).

Zika

Virus Zika adalah flavivirus, dalam keluarga Flaviviridae. Walaupun virus Zika diasingkan beberapa kali dari nyamuk *Aedes africanus* setelah penemuannya pada tahun 1947 (Dick, Kitchen & Haddow, 1952). Ia menjadi penyakit berjangkit utama pertama yang dikaitkan dengan kecacatan kelahiran manusia yang ditemui dalam lebih dari setengah abad dan menimbulkan kecemasan global sehingga *World Health Organization* (WHO) mengisytiharkan *Public Health Emergency of International Concern* (Gulland, A., 2016). Selain itu, virus Zika disebarkan oleh gigitan nyamuk yang dijangkiti dari genus *Aedes* terutamanya *Aedes aegypti* di kawasan tropika dan subtropika. Nyamuk *Aedes* biasanya aktif pada siang hari, memuncak pada awal pagi dan lewat petang atau malam. Disamping itu, ini adalah nyamuk yang sama menyebarkan serta menyebabkan demam berdarah, chikungunya dan demam kuning (WHO, 2021). Pada bulan Oktober 2015, Brazil melaporkan bahawa adanya hubungan antara jangkitan virus *Zika* dan mikrosefali. Wabak tersebut telah menular di seluruh benua Amerika, Afrika dan wilayah lain di dunia. Hingga kini sebanyak 86 negara telah melaporkan jangkitan virus *Zika* yang disebarkan oleh nyamuk.

Demam Denggi

Denggi adalah penyakit atau virus yang dibawa serta disebarkan oleh nyamuk. Penyakit bawaan nyamuk ini sangat cepat merebak hampir di semua wilayah di dunia sejak beberapa tahun ini (WHO, 2021). Virus denggi ini menural dan disebarkan oleh nyamuk betina terutamanya dari spesies *Aedes Aegypti* dan juga *A albopictus* dan biasanya serangga ni terdapat di kawasan tropika dan subtropika (Kularatne, S. A, 2015). Menurut artikel yang ditulis oleh Kularatne (2015), WHO menyatakan bahawa kira-kira dua perlima penduduk dunia (yang berada di negara tropika dan subtropika) atau sehingga 2.5 billion orang berisiko

dijangkiti denggi. Dianggarkan 50 juta jangkitan berlaku setiap tahun di seluruh dunia dengan 0.5 kes ini dimasukkan ke hospital akibat jangkitan virus ini. Selain itu, 90% kes ini berlaku pada kanak-kanak berumur 5 tahun.

Malaria

Malaria adalah sejenis penyakit yang disebabkan oleh parasit *genus Plasmodium*. Penyakit jenis ini telah membebaskan dan menjejaskan kehidupan manusia terutamanya Kelompok manusia yang tinggi di negara berpotensi tinggi seperti negara tropika (Miller, 1994). Parasit disebarkan kepada manusia melalui gigitan nyamuk *Anopheles* betina yang dijangkiti iaitu *Malaria Vectors*. Terdapat lima spesies parasit yang boleh menyebabkan *Malaria* kepada manusia dan dua daripadanya memberikan ancaman besar kepada manusia iaitu *P. Falciparum* dan *P. Viva*. Pada 2018, *P. Falciparum* telah mengakibatkan 99.7% kes *Malaria* di wilayah Afrika, 50% wilayah Asia, 70% kes di Mediterranean Tengah dan 65% di Pasifik Barat (WHO, 2021).

Demam Kuning

Demam kuning (*yellow fever*) merupakan penyakit flavivirus bawaan nyamuk yang disebabkan oleh anggota prototaip *genus Flavivirus* dan mengandungi kira-kira 70 virus dan kebanyakannya disebarkan melalui *arthropoda* (nyamuk atau kutu). Kes berkaitan demam kuning ini berlaku di kawasan tropika seperti Amerika Selatan dan Afrika. Berdasarkan sejarah penyakit ini menjadi ancaman bagi pelancong dan penduduk di kawasan endemik (Monath & Vasconcelos, 2015). Menurut WHO (2021), Gejala demam kuning termasuk demam, sakit kepala, penyakit kuning, sakit otot, loya, muntah dan keletihan.

Dapatan Kajian

Impak Pandemik COVID-19 Ke atas Sektor Pelancongan di Malaysia

Pada bulan Disember 2019, pneumonia coronavirus novel (COVID-19) muncul di Wuhan, China. Sejak itu, COVID-19 yang sangat menular ini telah merebak ke seluruh dunia, dengan peningkatan jumlah kematian yang pesat. Pneumonia yang dijangkiti COVID-19 Novel (NCIP) dicirikan oleh demam, keletihan, batuk kering, dan dispnea (Kooraki, S. et al, 2020). Di Malaysia, sehingga 21 Julai 2021, virus atau penyakit ini telah menjangkiti lebih 900,000 orang dan sebanyak 7,740 kematian, manakala kes harian telah mencapai lebih 10,000 kes sehari (Laporan Harian COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia). Gejala ini telah memberi banyak impak negatif kepada hampir semua sektor ekonomi termasuk sektor pelancongan. Wabak COVID-19 telah memberi kesan buruk kepada ekonomi Malaysia, terutama sektor pelancongan. Kerajaan Malaysia telah mencatatkan kerugian sebanyak RM 3.37 bilion dalam dua bulan pertama tahun 2020 (Dzulkifly, 2020). Selain itu, wabak ini juga telah menyebabkan Visit Malaysia 2020 telah ditangguhkan kerana ia adalah risiko yang sangat besar bagi penularan wabak COVID-19. Memandangkan 50% pelancong yang datang ke Malaysia merupakan pelancong dari Singapura dan China, situasi pandemik pada masa kini telah menyebabkan penurunan jumlah pelancong ke Malaysia seterusnya menjejaskan pekerja yang terlibat dalam sektor pelancongan (Foo, L.P. et al, 2020).

Selain itu, kajian yang bertajuk '*Emergency Planning and Disaster Recovery in Malaysian Hospitality Industry*' oleh Ahmad Rasmi Al-Battat dan Ahmad Puad Mat Som (2014) telah mengenal pasti kesan bencana dan krisis terhadap industri perhotelan dan pelancongan di Malaysia. Menerusi kajian tersebut penulis turut mencadangkan strategi memulihkan industri

hospitaliti selepas berlakunya bencana. Kajian ini menilai sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam ekonomi Malaysia seterusnya membincangkan kesannya terhadap ketibaan pelancong dan menganalisis kadar penghunian semasa bencana. Hasil kajian mendapati bahawa sektor pelancongan dan hospitaliti di Malaysia telah terjejas oleh beberapa bencana alam yang terjadi secara semula jadi mahupun bencana alam hasil buatan manusia. Kebanyakan industri hospitaliti melaporkan kesediaan reaktif berbanding perancangan kecemasan yang proaktif dan ia bergantung kepada perancangan kerajaan untuk memulihkannya. Terdapat beberapa strategi yang dirancang untuk menarik semula kedatangan pelancong antaranya meningkatkan kualiti perkhidmatan, pengubahsuaian hotel, pengurangan cukai, pakej pelancongan murah dan media memainkan peranan penting untuk tujuan pemulihan bencana.

Seterusnya kajian oleh Wasiul Karim, Ahasanul Haque, Ohurul Anis dan Muhammad Arije Ulfy (2020) yang bertajuk '*The Movement Control Order (MCO) for COVID-19 Crisis and its Impact on Tourism and Hospitality Sector in Malaysia*' bertujuan mengkaji impak masa akan datang terhadap industri pelancongan dan hospitaliti selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan akibat penularan COVID-19. Data sekunder daripada pelbagai sumber yang diterbitkan oleh kerajaan digunakan sebagai asas data kajian. Penemuan kajian mendapati operasi penerbangan diminimumkan, wujud pengurangan pekerja di hotel yang berbeza serta pemberian cuti tanpa gaji kepada pekerja. Seterusnya, hasil kajian juga mengetengahkan kesan negatif PKP terhadap industri pelancongan dan perhotelan di Malaysia ekoran penularan wabak COVID-19. Jelasnya, impak COVID-19 telah menjejaskan nadi sektor pelancongan iaitu industri perhotelan dan industri penerbangan di Malaysia. Sejak pandemik ini berlaku, industri penerbangan menjadi antara yang paling teruk terjejas dari segi pendapatan. Sehingga Mac 2020, industri hotel tempatan memberhentikan pekerjaannya dengan pengurangan cuti dan upah dalam sektor ini untuk mengatasi kesan wabak COVID-19. Manakala dari aspek sektor pelancongan menunjukkan bahawa kesan negatif pandemik COVID-19 akan menjejaskan kedatangan jumlah pengunjung atau pelancong ke Malaysia untuk jangka masa yang panjang.

Dalam kajian Foo et al., (2020) yang bertajuk '*The Impact of COVID-19 on Tourism Industry in Malaysia*' yang bertujuan untuk mengkaji serta membincangkan impak pandemik COVID-19 ke atas industri pelancongan dan mengenal pasti pakej rangsangan yang ditawarkan oleh kerajaan Malaysia bagi memastikan kelestarian industri pelancongan di negara ini. Selain itu, hasil daripada kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu impak kepada industri pelancongan, impak terhadap industri penerbangan dan juga impak kepada perusahaan perhotelan. Impak COVID-19 ke atas industri pelancongan di Malaysia sangat ketara kerana sebelum berlakunya pandemik ini, 50% pelancongan yang datang ke Malaysia merupakan pelancong dari Singapura dan China. Peningkatan kes COVID-19 di kedua-dua buah negara tersebut menyebabkan pembatalan banyak lawatan sekaligus mengakibatkan penurunan besar bilangan pelancong ke Malaysia. Larangan perjalanan semasa dan permintaan menyebabkan syarikat penerbangan menghadapi risiko mufliis. Ketiga-tiga syarikat penerbangan utama di Malaysia iaitu AirAsia, Malindo Air dan Malaysia Airlines telah memulakan pemotongan gaji antara 10% hingga 100% dan cuti tanpa gaji bergantung dengan julat gaji serta jawatan pekerja. Tambahan pula, dalam perusahaan hotel pula sebanyak 10,084 tempahan bilik hotel dalam tempoh 11 Januari 2020 hingga 16 Mac 2020 telah dibatalkan yang menyebabkan kerugian pendapatan berjumlah RM 68,190,364. Semua kerugian ini disebabkan secara langsung oleh penularan wabak COVID-19.

Salah satu kajian pengalaman COVID-19 dan sektor pelancongan negara luar adalah Poland. Kajian ini dilakukan oleh Bartosz Korinth dan Ruwan Ranasinghe (2020) yang bertajuk '*COVID-19 pandemic's impact on tourism in Poland in March 2020*'. Kajian penyelidikan ini adalah mengenai kesan pandemik COVID-19 terutamanya terhadap sektor pelancongan di Poland. Selain itu, wabak ini yang melanda dunia (Li, 2020; Fan et al., 2020; Jenigan 2020; Santosh, 2020) mendatangkan banyak kesan negatif terhadap ekonomi kerana telah tersebar ke seluruh dunia (Appleby-Arnold et al., 2018; Zahnnow et al., 2019). Poland tidak terkecuali menerima impak negatif tersebut terutamanya melibatkan pergerakan pelancong pada bulan Mac 2020. Pandemik ini juga telah menjadi cabaran di peringkat global yang menuntut pendekatan baru untuk operasi global, perniagaan (Abu Bakar dan Rosbi, 2020) dan tingkah laku individu dari hari ke hari. Untuk menggambarkan perubahan yang berlaku dalam bidang ini, data berdasarkan sumber yang telah mapan (*desk research*) telah digunakan. Data yang telah dikumpul dibandingkan dengan data pada bulan Mac 2019. Hasil kajian mendapati industri penerbangan yang menjadi penyumbang utama kehadiran pelancong menunjukkan penurunan besar sebanyak 80-90% daripada tempoh yang sama pada tahun sebelumnya dalam semua lalu lintas udara di Poland. Pandemik COVID-19 telah menghentikan operasi penerbangan antarabangsa dan nasional di Poland. Pesawat dan operasi penerbangan hanya digunakan untuk pengangkutan barang terutamanya pengangkutan topeng dan produk kebersihan yang lain. Selain itu, kerajaan Poland juga memerintahkan semua penginapan dan sektor perhotelan ditutup, pembatalan festival dan acara sukan, penangguhan pergerakan syarikat penerbangan dan penutupan kawasan tarikan pelancong yang merupakan sektor ekonomi penting di Poland (Wendt dan Bógdał-Brzezińska, 2018).

Strategi Pemulihan Sektor Pelancongan Pasca Pandemik COVID-19

Konsep 'pemulihan' bermaksud satu proses atau tindak balas dalam memulihkan aset fizikal yang telah terjejas dan menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada mangsa (dan juga pekerja) yang terlibat dalam kejadian bencana. Ia juga melibatkan usaha dan proses yang diselaraskan untuk membawa perkembangan semua komuniti (majikan dan pekerja) berikutan berlakunya bencana alam seperti gempa bumi (Raihan, Rosazman & Teuku, 2018). Terdapat banyak bentuk usaha pemulihan yang dilaksanakan bagi memperbaiki semula keadaan selepas berlakunya bencana termasuk dari aspek sosial, ekonomi dan juga politik. Dalam konteks pasca bencana pandemik Covid-19 ini telah mendesak negara untuk menyenaraikan pelan pemulihan terutamanya bagi tujuan memulihkan sektor pelancongan negara. Pada bulan Jun 2021, Pelan Pemulihan Pelancongan bernilai RM200 juta yang diperuntukkan menerusi Belanjawan 2021 telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia dan diharap dapat menggalakkan lagi perbelanjaan domestik serta meningkatkan ekonomi setempat. Di samping itu, pelan pemulihan pelancongan ini juga merangkumi baucar penginapan, diskaun destinasi pelancongan, diskaun percutian keluarga, menyemarakkan seni budaya, kempen 'Meet in Malaysia', diskaun pakej petugas barisan hadapan, potongan diskaun beli belah dan diskaun pengangkutan (Ishak, M., 2020).

Kajian yang bertajuk '*Tourism Recovery Strategy Against COVID-19 Pandemic*' oleh Shih-Shuo Yeh (2021) bertujuan untuk mengkaji cara atau langkah yang baik untuk mengatasi impak Covid-19 kepada industri pelancongan. Pendekatan penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah penyelidikan kualitatif dan kaedah kutipan data yang digunakan merupakan temu bual. Tiga fokus utama perbincangan semasa temu bual adalah: (1) perniagaan mana yang paling mendapat impak daripada wabak COVID-19, (2) bagaimana kesan ini saling berkaitan, dan (3) bagaimana seseorang dapat mengurangkan kesannya secara efektif dan mempersiapkan

diri untuk pemulihan selepas krisis. Data yang yang diperoleh ditranskrip dan dianalisis menggunakan model SPSS 14.1. Hasilnya menunjukkan bahawa komunikasi terbuka adalah kunci untuk berjaya memerangi pandemik dan pinjaman yang ditaja oleh kerajaan sangat penting untuk kelangsungan industri pelancongan. Selain itu, sebilangan besar orang yang ditemu bual bersetuju bahawa fokus utama *Tourism Crisis and Disaster Management* (TCDM) adalah untuk tidak menggunakan sumber daya yang terhad dan merangkumi belanjawan, sumber manusia serta yang lain-lain. Seterusnya cara yang tepat untuk menangani ekonomi yang perlahan adalah dengan membantu syarikat-syarikat kecil. Selagi syarikat tersebut dapat bertahan, semua pekerja dapat kembali bekerja setelah wabak dapat dibendung.

Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Albert Assaf dan Raffaele Scuderi (2020) bertajuk '*Covid-19 and The Recovery of the Tourism Industry*' menyatakan bahawa wabak COVID-19 merupakan bencana yang paling buruk terutamanya bagi industri pelancongan. Oleh itu, penulisan artikel tersebut adalah untuk menawarkan strategi yang dapat digunakan oleh industri pelancongan bagi menyesuaikan diri dengan 'normal'. Selain itu, kajian ini turut membincangkan peranan pemerintah semasa proses ini dijalankan. Bagi memastikan penulisan ini dapat disiapkan serta mempunyai maklumat yang jelas, pengkaji menghubungi beberapa pakar dan mengumpulkan maklum balas mereka mengenai isu berkaitan strategi pemulihan pelancongan. Terdapat dua tujuan utama iaitu membincangkan peranan industri pelancongan bergerak ke depan dan membincangkan peranan pemerintah.

Antara strategi yang disediakan oleh pakar adalah pembersihan dan sanitasi harus dititikberatkan dan dipromosikan dengan sewajarnya sebagai sebahagian daripada bekalan, norma keselamatan kesihatan yang baharu seperti meja hadapan hotel dilengkapi dengan '*counter shields*', pengurangan kadar penghuni hotel dan restoran dengan meningkatkan persepsi keselamatan pelanggan, peralihan secara beransur-ansur dari interaksi secara peribadi kepada secara digital untuk menghadkan interaksi secara bersemuka, hotel boleh mengawal inventori bilik secara langsung tanpa bergantung kepada pihak ketiga, hotel dan firma pelancongan dapat mencapai perjanjian dengan pemerintah untuk menyediakan kemudahan untuk pelancong yang perlu dikuarantin. Manakala peranan kerajaan pula lebih kepada:

- Menawarkan pinjaman tanpa faedah dan pinjaman tanpa penjamin.
- Memberikan dana untuk mempromosikan destinasi pelancongan (Contohnya: Baucer kepada penduduk yang dapat subsidi permintaan).
- Melonggarkan peraturan visa untuk negara-negara luar ketika wabak semakin dapat dikurangkan bagi meningkatkan aliran pelancongan peringkat antarabangsa.
- Membolehkan pemerintah tempatan melaksanakan peraturan yang lebih ringan berbanding peraturan peringkat pusat.

Dalam kajian Hong Ching Goh (2021) '*Strategies for post-Covid-19 prospects of Sabah's tourist market – Reactions to shocks caused by pandemic or reflection for sustainable tourism?*' menerangkan strategi yang dicadangkan dalam industri dan oleh kerajaan dalam memberi tindak balas terhadap wabak semasa bagi tujuan masa depan pelancongan yang lebih baik di Sabah. Negeri Sabah merupakan destinasi pelancongan antarabangsa yang terkenal kerana kepelbagaian semula jadi dan budayanya. Dalam artikel ini turut menerangkan kepentingan pelancongan antarabangsa ke atas Sabah terutamanya pasaran masuk China dan isu-isu baru mengenai kemasukan pelancong ke negeri ini. Metodologi kajian ini lebih kepada temu bual secara digital dan Webinar yang diadakan dengan agensi pelancongan kerajaan, pemain industri pelancongan dan pakar pelancongan daripada Universiti. Data sekunder pula

merangkumi kajian penyelidikan akademik yang diterbitkan, laporan yang diterbitkan mengenai statistic pelancongan dari tahun 2013-2020 (Sabah Tourism Board, 2021) dan 48 sumber media semasa, disenarai pendekkan.

Terdapat empat strategi dengan fokus perancangan pemulihan jangka menengah sehingga ke jangka panjang iaitu (1) tinjauan pendekatan terkini dan penjenamaan semula bagi pelancongan lestari, (2) pengembangan kapasiti, (3) peningkatan aplikasi teknologi dan (4) mekanisme segera untuk membantu pemain industri bagi membantu mereka dalam jangka pendek. Salah satu yang perlu dititikberatkan adalah pelancongan yang lebih lestari di Sabah memerlukan perubahan dari aspek pendekatan massa untuk persediaan kedatangan pelancong ke pelancongan bernilai tinggi serta bagi melindungi alam sekitar dan pada masa yang sama meningkatkan lagi pendapatan hasil daripada industri pelancongan.

Kesimpulan

Peningkatan kes harian wabak COVID-19 di Malaysia telah mendorong kerajaan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tujuan utama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan adalah untuk mengawal dan memastikan trend penurunan kes harian serta memutuskan rantai penyakit berjangkit tersebut. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilakukan oleh kerajaan telah menutup sementara sektor-sektor ekonomi yang ada termasuk sektor pelancongan yang merupakan salah satu sektor ekonomi yang menyumbang kepada pendapatan negara. Namun begitu, Perintah Kawalan Pergerakan mula diberi kelonggaran dalam semua sektor tetapi perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Kerajaan juga mengumumkan bahawa sektor pelancongan mula dibuka kepada orang awam untuk tujuan memulihkan sektor pelancongan tetapi hanya untuk pelancong domestik. Tidak dapat dinafikan bahawa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pandemik COVID-19 telah memberikan banyak impak negatif kepada pengusaha dan pekerja di sektor pelancongan terutamanya dari segi kemasukkan pendapatan. Hal ini kerana sektor pelancongan memerlukan pelancong agar dapat beroperasi. Oleh itu, kajian terhadap strategi dan pemulihan pelancongan dilakukan kerana ramai ahli masyarakat Malaysia yang bergantung hidup dengan sektor ini serta menerima kesan yang sangat besar akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik COVID-19 ini. Tindakan pemulihan perlu dilakukan dengan segera bagi menyelamatkan nyawa dan ekonomi negara ini.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana Khas (SDK) bertajuk “Strategi Pemulihan Pelancongan Berasaskan Komuniti dan Homestay Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Pandemik COVID-19 Di Kundasang, Sabah”. Kod Geran (SDK 0286-2020).

Rujukan

- Abu Bakar, N., & Rosbi, S., (2020). Effect of Coronavirus disease (COVID-19) to tourism industry. *International Journal of Advanced Engineering Research and Science*, 7(4), 189-193.
- Agus Purwanto, dkk. (2020). Studi Eksplorasi Dampak Pandemi COVID 19 terhadap Proses Pembelajaran Online di Sekolah Dasar. Indonesia: Universitas Pelita Harapan, hal. 5
- AlBattat, A. R., & MatSom, A. P. (2014). Emergency planning and disaster recovery in Malaysian hospitality industry. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, (144), 45-53.
- Ambikapathy, M., & Ali, A. (2020). Impact and Challenges Towards Employees Work from Home During Covid-19 (Mco) Period. *International Journal of Social Science Research*, 2(4), 97-107.
- Anas, R., Hussin, R., & Afrizal, T. (2018). Penyertaan komuniti dalam program pemulihan Pelancongan Pasca Bencana Di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah (Community Participation in The Tourism Recovery Programme Post-Earthquake Disaster in Mesilou Village of Kundasang, Sabah). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(3).
- Appleby-Arnold, S., Brockdorff, N., Jakovljević, I., & Zdravković, S. (2018). Applying cultural values to encourage disaster preparedness: Lessons from a low-hazard country. *International Journal of Disaster Risk Reduction*, 31, 37–44.
- Assaf, A., & Scuderi, R. (2020). COVID-19 and the recovery of the tourism industry. *Berita Harian (BH)*. (2021). Kronologi Pelaksanaan fasa PKP. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/01/775155/kronologi-pelaksanaan-fasa-pkp> Diakses Pada 3 Ogos 2021.
- Berita Harian (BH). (2020). COVID-19: PKPB kurangkan kadar keboleh jangkitan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/744230/covid-19-pkpb-kurangkan-kadar-kebolehjangkitan> Diakses Pada 3 Ogos 2021.
- B. Faulkner. (2001). Towards a framework for tourism disaster management *Tourism Management*, 22 (2), 135-147
- Burkart, A. J., & Medlik, S. (1974). *Tourism—Present, Past, and Future*. London: Heinemann Publishers.
- Carroll, M. W., Matthews, D. A., Hiscox, J. A., Elmore, M. J., Pollakis, G., Rambaut, A. & Günther, S. (2015). Temporal and spatial analysis of the 2014–2015 Ebola virus outbreak in West Africa. *Nature*, 524(7563), 97-101.
- Chan-Yeung, M., & Xu, R. H. (2003). SARS: epidemiology. *Respirology*, (8), S9-S14.
- Dick, G. W., Kitchen, S. F., & Haddow, A. J. (1952). Zika virus (II). Pathogenicity and physical properties. *Transactions of the royal society of tropical medicine and hygiene*, 46(5).
- Dzulkifly, D. (2020). Muhyiddin: The tourism industry hit hardest by Covid-19, faces RM3.37b loss. Retrieved March 27, 2020, from Malaymail: <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/13/muhyiddin-tourism-industry-hithard-by-covid-19-to-lose-rm3.37b-while-gdp-s/1846323>.
- Fan, C., Liu, L., Guo, W., Yang, A., Jilili, M., Ren, M., Xu, P., Long, H., & Wang, Y. 10 (2020). Prediction of epidemic spread of the 2019 novel coronavirus driven by spring 11 festival transportation in China: A population-based study. *International Journal of 12 Environmental Research and Public Health*, 17(5), 1-27.
- Ferlis Bahari. (2017). Ke Manakah Halatuju Pengurusan Bencana Alam? Universiti Malaysia Sabah dlm Rodeano et al. (2015). *Bencana Alam*. Universiti Malaysia Sabah. Hal. 23.
- Foo, L. P., Chin, M. Y., Tan, K. L., & Phuah, K. T. (2020). The Impact of COVID-19 On Tourism Industry in Malaysia. *Current Issues in Tourism*, 1-5.
- Gulland, A. (2016). Zika virus is a global public health emergency, declares WHO.

- Ibrahim Mohamed Shaluf, (2007), "Disaster types", *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, Vol. 16 (Iss 5), 704 – 717.
- Ishak, M. (2020). Pelan Pemulihan Pelancongan RM200j pacu pelancongan domestik. *BH Online*.
- Jernigan, D.B. (2020). Update: Public Health Response to the Coronavirus Disease 2019 32 Outbreak - United States, February 24, 2020, *MMWR. Morbidity and mortality weekly* 33 report 69(8), 216-219.
- Joshi, P. T., Dalton, M. E., & O'donnell, D. A. (2008). Ethical Issues in Local, National, And International Disaster Psychiatry. *Child and Adolescent Psychiatric Clinics of North America*, 17(1), 165-185.
- Karim, W., Haque, A., Anis, Z., & Ulfy, M. A. (2020). The Movement Control Order (MCO) For Covid-19 Crisis and Its Impact On Tourism and Hospitality Sector in Malaysia. *International Tourism and Hospitality Journal*, 3(2), 1-7.
- Kooraki, S., Hosseiny, M., Myers, L., & Gholamrezaezhad, A. (2020). Coronavirus (COVID-19) Outbreak: What The Department of Radiology Should Know. *Journal of the American College of Radiology*, 17(4), 447-451.
- Korinth, B., & Ranasinghe, R. (2020). Covid-19 Pandemic's Impact on Tourism in Poland in March 2020. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 31 (3), 987-990.
- Kroll, C. A., Landis, J. D., Shen, Q., & Stryker, S. (1991). Economic Impacts of the Loma Prieta Earthquake: A Focus on Small Business.
- Kularatne, S. A. (2015). Dengue fever. *BMJ*, 351.
- Lahariya, C., Sharma, A. K., & Pradhan, S. K. (2006). Avian Flu and Possible Human Pandemic. *Indian Pediatrics*, 43(4), 317.
- Laporan Harian Covid-19, Kementerian Kesehatan Malaysia. (2021). <http://covid-19.moh.gov.my/terkini/2021/07/situasi-terkini-covid-19-di-malaysia-21072021>. Diakses Pada 21 Julai 2021.
- Leiper, N. (1979). The Framework of Tourism: Towards A Definition of Tourism, Tourist, And The Tourist Industry. *Annals of Tourism Research*, 6(4), 390-407.
- Leiper, N. (1981). Towards A Cohesive Curriculum Tourism: The Case for A Distinct Discipline. *Annals of Tourism Research*, 8(1), 69-84.
- Li, G. (2020). The Challenges and Responsibilities of Family Doctors in the New Global Coronavirus Outbreak. *Chinese General Practice*, 23(7), 761-762.
- Lina Sayekt. 2020. Dalam Menghadapi Pandemi: Memastikan Keselamatan dan Kesehatan di Tempat kerja. ILO. hal. 7.
- Miller, L. H., Good, M. F., & Milon, G. (1994). Malaria Pathogenesis. *Science*, 264(5167), 1878-1883.
- Moe, T. L., Gehbauer, F., Sentz, S. & Mueller, M. (2007) Balanced Scorecard for Natural Disaster Management Projects. *Disaster Prevention and Management*, 16, 785-806.
- Monath, T. P., & Vasconcelos, P. F. (2015). Yellow Fever. *Journal of Clinical Virology*, 64, 160-173.
- Nerlich, B., & Halliday, C. (2007). Avian Flu: The Creation of Expectations in The Interplay Between Science and The Media. *Sociology of Health & Illness*, 29(1), 46-65.
- Paton, D., Johal, S., & Johnston, D. (2015). Community Recovery Following Earthquake Disasters. In *Encyclopedia of Earthquake Engineering* (pp. 440-446). Springer.
- Peiris, J. S., Guan, Y., & Yuen, K. Y. (2004). Severe Acute Respiratory Syndrome. *Nature Medicine*, 10(12), S88-S97.

- Regules, J. A., Beigel, J. H., Paolino, K. M., Voell, J., Castellano, A. R., Hu, Z., & Thomas, S. J. (2017). A Recombinant Vesicular Stomatitis Virus Ebola Vaccine. *New England Journal of Medicine*, 376(4), 330-341.
- Sabah Tourism Board (2021). Sabah Tourism Arrivals 2013-2020. Retrieved from <https://www.sabahtourism.com/statistics/?locale=en>.
- Santosh, K.C. (2020). AI-Driven Tools for Coronavirus Outbreak: Need of Active 18 Learning and Cross-Population Train/Test Models on Multitudinal/Multimodal Data. 19, *Journal of Medical Systems*, 44(5), 1-5.
- Yeh, S. S. (2021). Tourism Recovery Strategy Against COVID-19 Pandemic. *Tourism Recreation Research*, 46(2), 188-194.
- Yuliana, Y. (2020). Corona virus diseases (Covid-19): Sebuah Tinjauan Literatur. *Wellness and Healthy Magazine*, 2(1), 187-192.
- Webb, G.R., K.J. Tierney, and J.M. Dahlhamer. (2000). Businesses and Disasters: Empirical Patterns and Unanswered Questions. *Natural Hazards Review* 1(2), 83-90.
- Wendt, J.A., & Bógdał-Brzezińska, A. (2018). Problematyka, Metody I Problemy Badań W Geografii Turystycznej [Problematics, Methods and Problems of Tests in Tourist Geography], in: Olszewski-Strzyżowski D.J., Drózd R., Pasek M., (red.), *Turystyka. Nowe Trendy, Zeszyty Naukowe*, 7, 7-42 (in Polish).
- World Health Organization (WHO). (2021). *Cholerae*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/cholera> . Diakses pada 14 Julai 2021.
- World Health Organization (WHO). (2012). *Dengue Fever*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/dengue-and-severe-dengue> . Diakses Pada 14 Julai 2021.
- World Health Organization (WHO). (2021), *Malaria*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/malaria> . Diakses Pada 14 Julai 2021.
- World Health Organization (WHO). (2021). *Coronavirus COVID-119*. https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1 . Diakses pada 12 Julai 2021.
- World Health Organization (WHO). (2021). *Yellow Fever*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/yellow-fever>. Diakses Pada 14 Julai 2021.
- World Health Organization (WHO). (2021). *Zika*. https://www.who.int/health-topics/zika-virus-disease#tab=tab_1 . Diakses pada 14 Julai 2021.
- Yahaya, F. H. (2005). Kemunculan Penyakit Berjangkit Dan Kesannya Terhadap Manusia Di Malaysia. *Sari*, 23(10), 153-168.
- Yanti, H. E., & Aryati, A. (2018). Penyakit Virus Ebola. *Indonesian Journal of Clinical Pathology and Medical Laboratory*, 21(2), 195-201.
- Zahnaw, R., Wickes, R., Taylor, M., & Corcoran, J. (2019). Community social capital and individual functioning in the post-disaster context. *Disasters*, 43(2), 261–288.
- Zaki, A. M., Van Boheemen, S., Bestebroer, T. M., Osterhaus, A. D., & Fouchier, R. A. (2012). Isolation of a novel coronavirus from a man with pneumonia in Saudi Arabia. *New England Journal of Medicine*, 367(19), 1814-1820.